



Headline: Penoreh getah diperdaya 'Tuan Sam'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 18 October 2019

Language: Malay
Section: Hiburan
Page: 33

Penoreh getah diperdaya 'Tuan Sam'

KUANTAN - Seorang penoreh getah kerugian hampir RM10,000 apabila wang dalam akaun banknya dikeluarkan pihak lain tanpa kebenaran kelmarin.

Kejadian disedari mangsa yang berusia 31 tahun dari Bera itu selepas dia menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) daripada pihak bank memaklumkan transaksi berjumlah RM9,999 dari akaun banknya ke sebuah akaun lain.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, mangsa membuat laporan polis di Balai Polis Kemayan, Bera.

Menurutnya, berdasarkan kete-

rangan, mangsa mengesyaki pengeluaran wang melalui akaun bank itu dilakukan lelaki bernama Tuan Sam.

"Dia memperkenalkan diri sebagai ejen Bank Negara bagi menyelesaikan tunggakan kad kredit RM7,000.

"Mangsa juga menerima panggilan daripada Tuan Sam yang kononnya ditugaskan untuk mengendalikan kes itu.

"Dia mendakwa akaun bank mangsa diceroboh dan akan membuat laporan polis sebelum meminta mangsa menyerahkan nombor kad bank.

"Mangsa akur lalu menyerahkan maklumat kad bank dengan harapan kes itu diselesaikan," katanya.